

# Bantahan UMNO Kedah diteliti

UM - 3 SEP 2002

Oleh HELMI MOHD FOAD

**K**UALA LUMPUR 2 Sept. — Jabatan Peguam Negara sedang meneliti bantahan UMNO Kedah berhubung kegiatan Pas memindahkan pengundi di seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah sebelum menetapkan tindakan undang-undang yang boleh dikenakan ke atas pihak terbabit.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, pihaknya meminta penelitian dibuat oleh jabatan berkenaan selepas menerima dan membaca dokumen bantahan tersebut Khamis lalu.

Selain jabatan itu, katanya, Jabatan Perdana Menteri dan pegawai undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) yang berada dalam Jawatankuasa Khas

turut menghalusi perkara berkenaan.

“Saya telah berjanji untuk menyusun rangka kasar dengan SPR bagi memperhalusi bantahan UMNO Kedah itu.

“Bantahan tersebut mengandungi dokumen am Pas yang menerangkan antara lain persediaan lengkap parti itu mengubah struktur pengundi dari satu kawasan ke kawasan yang lain,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Menurut Rais, hasil semakan menyeluruh jawatankuasa khas itu akan dimaklumkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau menyatakan demikian bagi mengulas pendedahan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak semalam bahawa pihaknya mempunyai bukti Pas mengarahkan penyokong-penyokongnya melakukan kerja-kerja pe-

mindahan pengundi bagi memperoleh majoriti di 21 kawasan DUN Kedah.

Jumaat lalu, dalam sidang akhbarinya selepas mempengerusikan Majlis Mesyuarat Tertinggi UMNO, Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO, mendakwa Pas memindahkan penyokongnya dari kawasan yang tiada harapan untuk menang ke kawasan lain yang menjadi sasaran mereka.

Perdana Menteri mendakwa kehadiran pengundi hantu dikesan selepas semakan dibuat ke atas daftar pemilih yang digunakan dalam pilihan raya kecil DUN Anak Bukit dan Parlimen Pendang, Kedah Julai lalu.

Kenyataan beliau itu secara spesifik berdasarkan kajian oleh Perhubungan UMNO Kedah di empat peti undi dalam DUN Anak Bukit.

Mengulas lanjut Rais

berkata, pihaknya perlu meneliti sama ada kerja-kerja pemindahan itu bercanggah dengan undang-undang antaranya disabitkan dengan perbuatan penipuan atau jenayah mengikut Akta Pilihanraya 1958 dan Akta Kesalahan Pilihanraya 1954.

Beliau berkata, berdasarkan penelitiannya terhadap kandungan ‘Kertas Rancangan Pas,’ jelas menunjukkan parti itu menjalankan perancangan lengkap memindahkan para pengundi dalam usaha memenangi kesemua kawasan DUN Kedah.

“Walaupun didapati apa yang dilakukan itu mengikut lunas undang-undang tetapi ia dijalankan dengan rancangan bermuslihat untuk memenangi pilihan raya,” ujarnya.

Dalam hal ini, jelasnya, masih terdapat ruang bagi SPR untuk melakukan siasatan terperinci.